

18/12/1998

Malaysia cadang pakej penyelesaian

Jamhariah Jaafar in Hanoi

HANOI, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia kini tidak memerlukan bantuan kewangan bernilai AS\$4 bilion daripada Singapura, sebaliknya mencadangkan satu pakej penyelesaian kepada pelbagai isu yang dihadapi kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata, apa yang dikehendaki Malaysia ialah menyelesaikan semua isu membabitkan hubungan tegang antara kedua-dua negara - Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK), penggunaan ruang udara Malaysia bagi pesawat republik itu, Skim Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) dan pasaran tidak rasmi Clob International (Clob) - ditukar dengan lanjutan perjanjian bekalan air selepas 2061.

"Mulanya masalah air dikaitkan dengan bantuan pinjaman kira-kira AS\$4 bilion yang ditawarkan oleh Singapura, yang juga menjadi permintaan kita. Tetapi ketika ini kita tidak lagi memerlukan pinjaman itu.

"Oleh itu, kita memutuskan, daripada mengaitkan bekalan air dengan pinjaman berkenaan, kita patut mengaitkannya dengan pelbagai isu yang dihadapi kedua-dua negara.

"Ya, pakej itu adalah idea saya kerana kami ingin menyelesaikan ia sekali gus. Tidak ada guna kita menyelesaikan satu isu, kemudian timbul satu isu lagi. Jadi adalah lebih baik jika kita menyelesaikan semua masalah ini sekali gus," katanya pada sidang akhbar sebelum pulang ke Kuala Lumpur, hari ini.

Dr Mahathir, yang menghadiri sidang kemuncak Asean di sini berakhir semalam, mengulas mengenai perbincangan dua halanya Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, pakej itu termasuk butiran perjanjian (POA) membabitkan pembangunan tanah Keretapi Tanah Melayu (KTM) di republik itu.

"Ia adalah berasingan daripada perjanjian asal membabitkan penggunaan tanah di Singapura. Ia tidak lagi mengikat kegunaan tanah itu untuk hanya kerja-kerja pembinaan landasan tetapi juga boleh diguna untuk tujuan lain.

"Ketika ini kita mempunyai sekeping tanah yang belum dibangunkan dan Singapura patut membenarkan kami membangunkan tanah itu, mungkin dalam satu usaha sama dengan republik itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika POA membenarkan Malaysia mengubah stesennya dari Tanjung Pagar, ia juga patut membenarkan Malaysia membangunkan projek lain, secara usaha sama kerajaan Singapura.

Mengenai bekalan air untuk Singapura selepas perjanjian yang ada berakhir pada 2061, Perdana Menteri memberi jaminan bekalan air ke republik itu akan diteruskan.

"Tetapi kami perlu mengkaji semula syarat-syarat yang patut dikenakan seperti sama ada kita patut terus membekalkan air mentah atau air bersih," katanya.

Sementara itu, Goh memberitahu pemberita selepas pertemuan itu, beliau bersetuju dengan cadangan Dr Mahathir berhubung pakej penyelesaian membabitkan isu berkenaan.

"Disebabkan Malaysia tidak memerlukan bantuan kewangan daripada Singapura, ia tidak perlu terus membekalkan kita air.

Tetapi Dr Mahathir sudah komited dan berulang kali berkata Malaysia akan tetap membekalkan air kepada Singapura. Beliau akan menghormati komitmen itu.

"Sebagai balasan, kita bercakap mengenai penyelesaian bagi isu CIQ, penggunaan ruang udara Malaysia untuk kegunaan pesawat kita, CPF dan Clob.

"Kerana itu, daripada perbincangan mengenai bantuan dana untuk air, ia sekarang diubah kepada penyelesaian semua isu terbabit dalam satu pakej," katanya.

Goh menjelaskan, Malaysia tidak memerlukan bantuan kewangan dari republik itu kerana ia dapat mencari sumber kewangan sendiri.

Walaupun mengakui kesukaran mungkin timbul kerana isu-isu terbabit selama ini dibincang secara berasingan, Goh percaya pegawai kedua-dua negara akan saling berbincang mengenai pendekatan seimbang, yang dapat diterima oleh Malaysia dan Singapura.

"Ia mesti mencapai formula menang-menang untuk kedua-dua negara. Ia mesti berupa pendekatan seimbang. Malaysia mesti mendapat sesuatu dan Singapura juga perlu mempero lehi balasan. Ia mesti dalam kedudukan menang-menang.

"Kedua-dua pihak mesti gembira, Johor gembira dan Malaysia-Singapura juga akan gembira," katanya sambil menambah, tiada tempoh ditetapkan bagi penyelesaian pakej itu kerana Singapura tidak memerlukan penyelesaian segera.

Beliau juga berkata, pelbagai isu yang dijadikan satu pakej itu mungkin sukar untuk diselesaikan begitu sahaja.

Berikutan itu, Singapura sudah mengarah semua pegawainya untuk memasukkan semua komitmen secara lisan itu ke dalam bentuk laporan lengkap.

"Singapura ingin melihat komitmen ini dibuat dalam bentuk tulisan daripada Malaysia. Dalam perkataan lain, saya akan berikan senarai yang diperlukan oleh Singapura dan akan meminta Malaysia menyenaraikan apa yang diinginkan dalam bentuk tulisan," katanya.

Mengulas mengenai perjanjian air dengan Malaysia, Goh berkata permintaan untuk bekalan air Singapura adalah bagi tempoh selepas perjanjian sekarang berakhir pada 2061.

"Perjanjian ini hanya akan berakhir selepas ketiadaan saya. Ia bukan satu masalah peribadi atau politik untuk saya. Jadi kami melihat perkara ini dari sudut positif," katanya.

Bagi isu CIQ pula, yang muncul kembali selepas Singapura mendakwa Malaysia gagal untuk memfail alasan berdasarkan undang-undang selepas tempohnya berakhir, Goh berkata isu itu sekarang sudah menjadi sebahagian daripada pakej yang dipersetujui.

"Kita boleh mengadakan perbincangan semula mengenai perkara ini," katanya.

(END)